

MAPAN meterai perjanjian pembangunan disiplin

ST 08/05/08 PG T3

ia merupakan mekanisme yang dilakukan pihak Kementerian Pelajaran bagi mempercepatkan maklumat berhubung kelakuan pelajar di sekolah, seiring dengan kepesatan dan kecanggihan penggunaan internet pada masa kini.

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA TERENGGANU - Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN) memeterai perjanjian dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi pembangunan sistem disiplin berdasarkan teknologi web iaitu e-Disiplin yang diadakan di Dewan Persidangan Redang, UMT di sini, kelmarin.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail berkata, program itu merupakan pendekatan terbaik diambil kedua-dua pihak dalam usaha memantau masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

"Ia juga merupakan mekanisme yang dilakukan pihak Kementerian Pelajaran bagi mempercepatkan maklumat berhubung kelakuan pe-



Razali (berdiri tengah) menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persetujuan antara pihak MAPAN (kiri) dan UMT di Dewan Persidangan Redang UMT, kelmarin.

lajar di sekolah, seiring dengan kepesatan dan kecanggihan penggunaan internet pada masa kini," katanya ketika ditemui Sinar Harian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persetujuan antara Presiden MAPAN, Sulaiman Ahmad dan Naib Cancellor UMT, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin.

Menurut Razali lagi, kesungguhan yang ditunjukkan pensyarah dengan melakukan kajian tersebut harus dipuji dan patut diteruskan.

"Pada masa yang sama,

kajian juga memberi peluang kita melihat sejauh mana keberkesanan penemuan baru ini dengan menggunakan Pelan Induk Pembangunan Pelajaran (PIPP) 2006 hingga 2010.

"Kewujudan sistem e-Disiplin menjadi sumber informasi dan platform bagi memantau serta mengkaji kes disiplin pelajar di sekolah seluruh negara secara berpusat," katanya.

Sebanyak 137 sekolah menengah seluruh negara terpilih dalam projek rintis yang dilaksanakan bermula sejak

awal tahun lalu.

Program akan diteruskan melibatkan semua sekolah menengah secara berperingkat dan turut dilaksanakan di sekolah rendah.

Menurut Razali lagi, keberkesanan program telah terbukti dengan catatan penurunan data disiplin.

"Setiap sekolah yang berdepan masalah disiplin pelajar akan ditolak peratusan menggunakan sistem merit dan ia dipantau sepenuhnya pihak Kementerian Pelajaran," katanya.